

01 AUG 2001

PERLIS SUSUN ACARA SAMBUT ROMBONGAN KEMBARA MERDEKA

KANGAR, 1 Ogos (Bernama) -- Perlis menyusun pelbagai acara bagi menyambut rombongan Kembara Merdeka anjuran Jabatan Penerangan pada Ahad ini termasuk pameran dan pemeriksaan kesihatan secara percuma kepada orang ramai.

Program selama 17 hari sempena sambutan bulan kemerdekaan itu dilancarkan di Putra Jaya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Menurut kenyataan Jabatan Penerangan Perlis, sebanyak 74 peserta program itu akan disambut di sempadan Perlis/Kedah di Sanglang oleh Kumpulan Pendengar, Penonton dan Pembaca (K3P) Sanglang.

Mereka kemudiannya akan diarak ke dewan orang ramai Simpang Sanglang dan menyaksikan persembahan kebudayaan di situ. Selepas itu mereka akan menyusuri jalan pantai menuju terminal feri Kuala Perlis bagi acara sambutan peringkat negeri.

Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim dijadualkan melancarkan program peringkat negeri itu.

Pada sebelah malamnya, para peserta itu akan mengadakan program gerak tumpu di empat kawasan -- Masjid Jamek Beseri, Pusat Khidmat Sosial Pauh, Kampung Behor Mempelam dan Kampung Guar Sanji.

Jabatan Penerangan mempelawa orang ramai supaya turut menyambut kehadiran para peserta Kembara Merdeka dan mengikuti program gerak tumpu di tempat-tempat yang telah ditetapkan itu.

-- BERNAMA

AD NMO